

SALURAN KUMBAHAN TERSUMBAT ADALAH BERPUNCA DARIPADA PAIP KUMBAHAN PEMILIK PREMIS.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, SPAN ingin merujuk kepada Laporan Akhbar Sinar Harian 12 Oktober 2009 'Peniaga Merungut Bau Busuk ' (muka surat S14).

SPAN yang mendapat aduan itu menerusi Sinar Harian terus menyasat perkara itu dan mendapati bahawa paip daripada tangki pemeriksaan (*Inspection Chamber*) merupakan paip pembedungan persendirian milik pengadu sendiri iaitu Encik Voon Chow Fong.

Ia didapati telah rosak, sehingga mengakibatkan berlakunya limpahan daripada tangki kumbahan berkenaan.

Akibatnya sekitar kawasan berhampiran berbau busuk.

Pengadu telah dimaklumkan berhubung perkara itu dan satu Surat Pemberitahuan Kesalahan mengikut Seksyen 64 (B) Akta IPA 2006 telah dihantar kepada pengadu berkenaan.

SPAN juga, telah meminta pengadu supaya membuat pembaikan saluran kumbahan yang rosak itu dengan segera bagi mengelakkan kacau ganggu kepada penduduk berhampiran.

Sehubungan itu SPAN ingin menasihatkan pengguna supaya mengambil tindakan segera membaiki tangki serta paip pembedungan di dalam kawasan premis masing-masing jika didapati berlaku kerosakkan, bagi mengelakkan kacau ganggu kepada penduduk berhampiran dan dikenakan tindakan mengikut Akta IPA 2006.